

HD
1392
S57
1983

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

KAJIAN SENITAMAN : KEPERLUAN SENITAMAN
DI DALAM KAWASAN SEKOLAH
KES KAJIAN : SEKOLAH RENDAH SRI PETALING
SEKSYEN 12
PETALING JAYA

ZUBAIDAH

PROJEK PELAJAR
(Students' Projects)

SEKOLAH MENENGAH SHAH ALAM
SEKSYEN 2
SHAH ALAM

Oleh:

SITI ZUBAIDAH AHMAD

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan
DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA

SHAH ALAM

April 1983

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh SITI ZUBAIDAH BTE AHMAD

bertajuk KEPERLUAN SENITAMAN DALAM KAWASAN SEKOLAH

KES KAJIAN::SEKOLAH RENDAH SRIPPETALINGGDAN SEKOLAH

MENENGAH SHAH ALAM

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk Diploma Perancang Bandar
dan Wilayah.

Diluluskan oleh:

(PUAN KAMARIYAH BT. KAMSAH)
PENYELIA UTAMA

(
PENYELIA MADYA

PRAKATA

Senitaman adalah merupakan salah satu daripada unsur alam yang sangat diperlukan di dalam penghidupan manusia. Kehadirannya dapat memberikan beberapa keselesaan di dalam kehidupan harian kepada setiap individu dan kekurangannya menimbulkan beberapa masalah kepada setiap kehidupan. Untuk mengekalkan akan kepentingannya maka perhatian haruslah diberikan kepada setiap individu di peringkat awal.

Untuk mencapainya matlamat pengkalan keindahan alam sekitar maka adalah wajar sekiranya diadakan pengindahan di dalam kawasan sekolah, di samping mendidik murid-murid sekolah yang bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang, menghargai akan nilai senitaman. Dengan adanya pengetahuan asas ini, maka sikap cinta terhadap alam sekitar dapat dipupuk sejak dibangku sekolah yang menjadi punca perkembangan pengetahuan bagi setiap cordikiawan.

Di dalam mencapainya matlamat pengindahan alam sekitar maka penglibatan setiap individu di setiap peringkat umur adalah penting untuk kepentingan persendirian dan masyarakat amnya. Untuk itu satu generasi yang berdidikasi dan bertanggungjawab terhadap pencapaian matlamat tersebut perlulah dilahirkan, untuk itu pendidikan asas di sekolah-sekolah adalah merupakan gedung di dalam menyalurkan kearah pencapaian matlamat yang tersebut.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinnya saya telah dapat melengkapkan kajian akhir sebagaimana yang dikehendaki. Di dalam melengkapkan kajian akhir ini saya telah diberikan nasihat dan bimbingan yang mendorong kepada perlengkapan kajian akhir ini. Untuk itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Kamariyah bt. Kamsah selaku penyelia saya di dalam kajian akhir ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan kajian ini. Di antaranya ialah :

1. Kementerian Pelajaran Malaysia - Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan Pelajaran.
2. Jabatan Pelajaran Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan. Bahagian Teknik dan Pembangunan.
3. Maktab Perguruan Ilmu Khas, Ceras.
4. Jabatan Kerja Raya, Ibu Pejabat Kuala Lumpur.
5. Jabatan Kerja Raya Petaling Jaya.
6. Guru Besar Sekolah Rendah Sri Petaling.
7. Guru Besar Sekolah Menengah Shah Alam.
8. Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara.
9. Rakan-rakan seperjuangan, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya, terutama ibu yang telah memberikan perangsang dan bantuan di sepanjang kajian ini, sehingga perlengkapan laporan kajian akhir ini.

<u>Isi Kandongan</u>	<u>Muka Surat</u>
Prakata	i
Penghargaan	ii
Isi kandongan	iii
 <u>BAB SATU</u>	
1.0.0 Pengenalan	1
1.1.0 Objektif Kajian	6
1.2.0 Bidang Kajian	7
1.3.0 Methodologi	12
1.3.1 Peringkat Pertama	12
1.3.2 Peringkat Kedua	13
1.3.3 Peringkat Ketiga	14
 <u>BAB DUA</u>	
2.0.0 Pembangunan Sekolah-Sekolah	15
2.2.0 Piawalan	19
2.3.0 Pelan Piawaian dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar.	21
2.4.0 Penglibatan Kos	22
2.5.0 Faktor-faktor yang Diambil Kira Di dalam Perancangan Untuk Kawasan Sekolah	24
2.7.0 Perancangan Pelan Tapak Dan Susunan Bangunan	26

2.8.0	Rumusan	30
-------	---------	----

BAB TIGA

3.0.0	Keperluan Perancangan Terhadap Senitaman	33
3.1.0	Perancangan Senitaman	33
3.2.0	Perancangan Terhadap Penggunaan Tanah	37
3.3.0	Rekabentuk Senitaman	40
3.4.0	Unsur-Unsur Senitaman	43
3.4.1	Papan Tanda	44
3.4.2	Tong Sampah	46
3.4.3	Tempat Duduk	48
3.4.4	Bekas Bunga	50
3.4.5	Tumbuh-Tumbuhan	52
3.4.6	Keperluan Pagar di Kawasan Sekolah	55
4.0.0	Sikap Terhadap Alam Sekitar	56
4.1.0	Faktor Fizikal	58
4.2.0	Faktor Fisiologi	60
4.3.0	Faktor Psikologi	62
5.0.0	Rumusan	66

BAB EMPAT

KAJISELIDIK

5.0.0	Pemilihan Tapak	68
6.0.0	SEKOLAH RENDAH SRI PETALING	71
6.1.0	Kegiatan-Kegiatan Sekolah	73

6.1.1	Harian	73
6.1.2	Mingguan	74
6.1.3	Tahunan	75
6.2.0	Kemudahan-Kemudahan Sediada	77
6.2.1	Kantin	78
6.2.2	Jejambat Keselamatan	80
6.2.3	Tempat Jalan Berbumbung	81
6.2.4	Tandas	82
6.3.0	Taburan Ruang Dalam Kawasan Sekolah	82
6.4.0	Ruang Yang Digunakan	84
6.4.1	Padang	88
6.4.2	Gelanggang Badminton	89
6.4.3	Ruang Sambungan Kantin	91
6.4.4	Tempat Letak Kereta	92
6.5.0	Pembaziran Dalam Penggunaan Ruang	94
6.5.1	Setor	95
6.5.2	Ruang Yang Tidak Dirancangkan	97
6.5.3	Tempat Penantian	100
6.5.4	Perletakan Alat-Alat	102
6.5.5	Cerun Bukit	103
6.6.0	Unsur-Unsur Binaan	104
6.6.1	Bangku	106
6.6.2	Tong Sampah	109
6.6.3	Tangga	112
6.6.4	Peranan Warna	114
6.6.5	Struktur Bangunan	117

6.6.6	Alat Permainan	119
6.6.7	Unsur-Unsur Alam Semulajadi	120
6.7.1	Penggunaan Batu dan Kayu	121
6.7.2	Tumbuh-Tumbuhan Sediada	125
6.7.4	Pokok-Pokok Di Sempadan Sekolah	127
6.8.0	Kawasan Persekitaran	129
6.9.0	Rumusan	134
7.0.0	SEKOLAH MENENGAH SHAH ALAM	138
7.1.0	Kegiatan-Kegiatan Sekolah	140
7.1.1	Harian	140
7.1.2	Mingguan	142
7.1.3	Tahunan	143
7.2.0	Komudahan-Komudahan Sediada	144
7.2.1	Kantin	147
7.2.2	Tandas	148
7.2.3	Tempat Jalan Berbumbung	148
7.3.0	Taburan Ruang Dalam Kawasan Sekolah	150
7.4.0	Ruang Yang Digunakan	155
7.4.1	Padang	155
7.4.2	Gelanggang Bola Jaring	157
7.4.3	Tempat Letak Basikal	159
7.4.4	Tempat Letak Kereta	161
7.5.0	Pembaziran Dalam Penggunaan Ruang	162
7.5.1	Ruang Berhampiran Dengan Bangunan	166
7.5.2	Ruang Yang Durezabkan Untuk Pembangunan	169

8.8.0	Penggunaan Ruang Untuk Kegiatan-Kegiatan	208
8.8.1	Latihan Berkawat Kaki	209
8.8.2	Ruang Porkhomahan	211
8.9.0	Ruang Yang Dikhaskan Penggunaannya	212
8.9.1	Tempat Letak Kereta	214
8.9.2	Tempat Letak Basikal	214
8.9.3	Tempat Longgok Sampah	215
8.9.4	Tempat Penantian	216
8.9.5	Ruang Untuk Rezab Pembangunan	217
9.0.0	Pentadbiran Alam Sekitar	219
9.1.0	Pembentukan Unsur-Unsur Senitaman	219
9.1.1	Bangku	220
9.1.2	Papan Tanda	222
9.1.3	Bekas Bunga	224
9.1.4	Tong Sampah	226
9.1.5	Tangga	226
9.2.0	Tumbuh-Tumbuhan	228
9.2.1	Tumbuh-Tumbuhan Peneduh	228
9.2.2	Tumbuhan Hiasan	229
9.2.3	Tumbuh-Tumbuhan Sebagai Pagar	229
10.0.0	Rumusan	231
11.0.0	Rumusan	233

Senarai Jadual

Muka Surat

1. SEKOLAH RENDAH SRI PETALING

Jadual 1 - Kegiatan-kegiatan Yang Menggunakan Ruang	74
Jadual 2 - Kemudahan-Kemudahan Sediada	77
Jadual 3 - Penggunaan Terhadap Ruang Terbuka	84
Jadual 4 - Unsur-Unsur Binaan	105
Jadual 5 - Unsur-Unsur Semulajadi	120

2. SEKOLAH MENENGAH SHAH ALAM

Jadual 6 - Kegiatan-kegiatan Yang Menggunakan Ruang	141
Jadual 7 - Kemudahan-Kemudahan Sediada	146
Jadual 8 - Penggunaan Terhadap Ruang Terbuka	151
Jadual 9 - Unsur-Unsur Binaan	175
Jadual 10- Unsur-Unsur Semulajadi	185

Senarai Pelan

1. SEKOLAH RENDAH SRI PETALING

Pelan 1 - Pelan Pandu	70
Pelan 2 - Kemudahan-Kemudahan Sediada	76
Pelan 3 - Taburan Penggunaan Ruang	83
Pelan 4 - Ruang Yang Digunakan	85
Pelan 5 - Pembaziran Penggunaan Ruang	93
Pelan 6 - Tumbuh-Tumbuhan Sediada	123
Pelan 7 - Kawasan Persekitaran	131

2. SEKOLAH MENENGAH SHAH ALAM

Pelan 8 - Pelan Pandu	137
Pelan 9 - Kemudahan-Kemudahan Sediada	145
Pelan 10- Taburan Penggunaan Ruang	152
Pelan 11- Ruang Yang Digunakan	154
Pelan 12- Pembaziran Dalam Penggunaan Ruang	163
Pelan 13- Tumbuh-Tumbuhan Sediada	184
Pelan 14- Kawasan Persekitaran	189

Senarai Gambarajah

Gambarajah 1 - Interaksi di antara komponen bangunan dengan bilik darjah.	28
Gambarajah 2 - Interaksi di antara murid-murid di satu sekolah rendah mengikut kawasan dan aktiviti.	29
Gambarajah 3 - Bangku dan Meja	221
Gambarajah 4 - Papan Tanda	223
Gambarajah 5 - Dekas Dunga	225

Senarai Lampiran

1.1.0 Rancangan Malaysia Keempat	241
1.2.0 Organisasi dan Tugas Setiap Bahagian	242
1.3.0 Perancangan dan Perlaksanaan Rancangan Pembangunan	244

1.4.0	Perancangan dan Kos Projek	247
1.5.0	Kos dan Rekabentuk	248
1.6.0	Penentuan Keutamaan Projek	250
1.7.0	Masalah-masalah Yang Dihadapi Di dalam Pembangunan Sekolah-Sekolah	251
1.8.0	Piawaian Perancangan	255
1.8.1	Luas Kawasan Sekolah	255
1.8.2	Peruntukan Guru	256
1.8.3	Keperluan Fizikal dan Kemudahan Sekolah	257
1.8.4	Kemudahan-Kemudahan Yang Disediakan	258
1.8.5	Piawaian Yang Dihasilkan Oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa	259
1.8.6	Sekolah Rendah	260
1.8.7	Menengah Rendah	261
1.8.8	Sekolah Menengah Tinggi	262
1.9.0	Pembinaan Dengan Menggunakan Pelan Piawaian	264
1.9.1	Teknologi Binaan	265

BAB SATU

1.0.0 PENGENALAN

Keutamaan pembangunan di Malaysia adalah untuk mencapaikan dua matlamat utama kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu membasmi buta huruf dan menyusun semula masyarakat. Selaras dengan tujuan tersebut, kerajaan telah banyak melakukan perubahan terhadap kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal di negara ini.

Sepertimana yang dapat disaksikan dewasa ini, taraf pencapaian di dalam pembangunan tersebut dapat menghasilkan satu pencapaian yang baik, dari segi untuk membasmi buta huruf, kerajaan telah banyak menubuhkan sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di merata-rata tempat di negara ini, walaupun terdapatnya beberapa halangan untuk mencapai matlamat tersebut melalui Rancangan Malaysia yang telah diperuntukan pada setiap lima tahun. Dari pelaksanaan dan pencapaian matlamat tersebut, Malaysia telah banyak menghasilkan cerdekiawan-cerdekiawan pada masa kini dalam berbagai-bagai profesion.

Begitu juga di dalam melaksanakan matlamat kedua, DEB iaitu menyusun semula masyarakat, di mana rumah-rumah kos rendah serta bangunan-bangunan pencakar langit yang menyediakan tempat kediaman dan perkerjaan di bandar-bandar pada masa kini telah menjadi satu kenyataan pencapaian kerajaan di dalam mencapai matlamat DEB disamping kejayaan di dalam penggunaan

teknologi moden sebagai sebuah negara yang sedang membangun.

Di dalam mengejar pencapaian matlamat tersebut, terdapat beberapa kekurangan di dalam perancangan alam sekitar, di mana terdapat kurangnya perhatian terhadap kepentingan senitaman dan pembangunan yang tersebut di atas tidak selari dengan pembangunan pengindahan alam sekitar.

Sejak kebelakangan ini, kesedaran terhadap kepentingannya mula ujud, di mana senitaman dipentingkan di dalam pembangunan. Selari dengan kajian yang dilakukan ini, iaitu 'Keperluan Senitaman Di Dalam Kawasan Sekolah' adalah dikirakan sangat wajar untuk mencapainya matlamat kerajaan di dalam menjaga keindahan alam sekitar. Sepertimana yang diacukan dari tajuk kajian ini, ianya menganalisis tentang mengapakah perlunya diadakan senitaman di dalam kawasan sekolah dan apakah kebaikannya kepada pelajaran kanak-kanak sekolah. Dari hasil kajian ini nanti, akan menghasilkan cadangan-cadangan yang dapat memberikan manfaat kepada pembangunan sekolah-sekolah, bukan hanya di dalam pencapaian dalam bidang akademik dan memberikan kecergasan dari segi fizikal dan mental, malah dapat mengujudkan alam sekitar persekolahan yang harmoni.

Untuk mencapainya objektif pembangunan pengindahan alam sekitar, pendidikan di sekolah adalah merupakan pendidikan asas yang wajar untuk melahirkan generasi yang dapat meng-

harga akan nilai keindahan alam sekitar serta memberikan pendidikan asas terutama perubahan sikap dan pandangan setiap individu terhadap kepentingan alam sekitar yang sihat kepada kesihatan dan pertubuhan akhlak yang baik. Ini dapat tercapai dengan berkesan sekiranya diadakan tindakan perancangan di kawasan-kawasan sekolah. Sepertimana yang di maklumkan bahawa alam pendidikan memerlukan suasana yang sesuai dan alam penumbuhan mental yang sihat dan aktif di kalangan murid-murid sekolah.

Sepertimana di kawasan-kawasan sekolah pada masakini dan masa lepas, ruang-ruang dipersekitaran kawasan sekolah tidak dirancang akan kegunaannya, yang menyebabkan terdapatnya ruang-ruang yang terbiar dan tidak dijaga rapi atau tidak sesuai dengan penggunaannya. Seharusnya penggunaan terhadap setiap ruang-ruang terbuka dirancang terlebih awal akan penggunaannya yang sesuai dengan keluasan tiap-tiap ruang tersebut. Ini adalah perlu ekoran dari terdapatnya beberapa masalah untuk mendapatkan keluasan tanah yang mencukupi untuk pembangunan sekolah-sekolah, dengan itu penggunaan tanah dengan sepenuhnya adalah perlu. Di samping itu perancangan kawasan sekolah perlulah ada kelonggaran dan perancangan bangunan sekolah untuk membolehkan perubahan dari segi binaan dan senitaman yang akan digunakan.

Terdapat di beberapa buah sekolah pada masa kini, tidak di-

lengkapi dengan kemudahan-kemudahan samada ianya berfungsi untuk tujuan berékreasi atau untuk memenuhi kemudahan aktiviti pendidikan. Di sebabkan akan kekurangan inilah maka berlakunya kecacatan di dalam memenuhi keperluan mental dan fizikal untuk murid-murid sekolah. Perkara seperti ini boleh diperhatikan bahawa terdapat di beberapa buah sekolah di mana keluasan padang tidak dapat menampung jumlah murid yang kian tahun semakin bertambah jumlahnya. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan untuk bersuka dan untuk bermain, terutama untuk kanak-kanak tidak dirancangkan pada awalnya, yang mana ianya merupakan satu kaedah yang penting untuk pembentukan fizikal serta memberikan kecergasan mental. Ianya juga merupakan tempat utama bagi mengujudkan interaksi di antara murid-murid sekolah. Penyataan terhadap elemen-elemen tersebut memerlukan satu perancangan yang teratur, ianya bukan hanya meliputi perletakan elemen malah haruslah mempertimbangkan dari segi warna, texture dan lain-lain. Yang mana keseluruhannya akan mempengaruhi jiwa setiap individu yang hadir di dalam kawasan tersebut terutama untuk tujuan supaya sikap bosan untuk ke sekolah tidak akan ujud.

Oleh yang demikian adalah perlu diadakan satu perancangan senitaman yang dapat mengujudkan satu situasi alam sokitar yang bersejukan dengan alam pendidikan. Dengan adanya perancangan seperti ini maka akan dapat membentuk satu masyarakat yang dapat menilai serta menghargai keindahan alam

semulajadi yang kini kian pupus. Di sebabkan terdapatnya pendidikan asas terhadap kepentingan senitaman bagi generasi masa kini, maka kualiti alam sekitar akan turut terjamin pada masa-masa akan datang.

1.1.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji kawasan persekitaran sekolah dengan tujuan untuk mengujudkan satu situasi alam sekitar sekolah dengan senitaman yang selaras dengan suasana kawasan sekolah-sekolah.
2. Untuk mengelakkan pencemaran-pencemaran seperti kebisingan, kekotoran serta keselamatan kawasan sekolah dari kawasan persekitaran.
3. Membentuk senitaman yang dapat berfungsi untuk perkembangan fikiran pelajaran-pelajaran sekolah.
4. Penggunaan terhadap setiap ruang-ruang di kawasan sekolah dan kemudahan-kemudahan dengan sepenuhnya.

1.2.0 Bidang Kajian

1.2.1 Bidang kajian yang dijalankan melibatkan peringkat-peringkat sekolah rendah dan menengah. Ini adalah disebabkan bahawa diperingkat sekolah rendah melibatkan peringkat umur antara tujuh hingga dua belas tahun, sementara sekolah menengah melibatkan peringkat umur di antara tigabelas hingga tujuh belas tahun. Dengan adanya kajian ke atas sekolah-sekolah yang tersebut, maka ianya dapat melibatkan berbagai-bagai peringkat umur dan menyediakan senitaman yang sesuai dengan kehendak-kehendak mereka. Untuk memberikan pendidikan asas kepada generasi akan datang terhadap menghargai nilai seni-taman serta keindahan alam semulajadi, maka adalah perlu diperkenalkan dan dititikberatkan sejak dibangku sekolah di mana sikap terhadap penghargaan dapat dipupuk sejak kecil lagi.

1.2.2 Untuk tujuan itu, satu identifikasi dilakukan terhadap kegunaan ruang-ruang terbuka di dalam kawasan sekolah. Di dalam menjalankan kajian tersebut keluasan setiap ruang diambilkira. Penggunaan terhadap ruang meliputi penggunaannya untuk memenuhi keperluan akademik pelajar-pelajar, aktiviti-aktiviti harian dan mingguan, serta penggunaannya terhadap perkara-perkara lain, selain daripada itu aktiviti-aktiviti sekolah oleh murid-murid sekolah tersebut.

1.2.3 Untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas mengenai penggunaan ruang-ruang terbuka, kajiselidik secara pengamatan adalah sangat perlu diadakan. Dengan ini dapat diketahui bagaimana corak penyediaan ruang-ruang tersebut akan dapat mempengaruhi sikap kanak-kanak terhadap alam sekitar serta dapat ditentukan faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam penyediaan ruang-ruang tersebut.

1.2.4 Kajian yang dilakukan bukan hanya tertumpu kepada penggunaan kanak-kanak sekolah terhadap ruang, malah ianya meliputi jenis-jenis aktiviti yang terdapat di kawasan persekitaran. Ini adalah bertujuan untuk menentukan samada senitaman yang sediaada dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Sepertimana yang terdapat di beberapa buah sekolah, di mana perletakannya adalah berhampiran di jalan raya sibuk. Oleh yang demikian satu buffer zon amat perlu diadakan, penyediaannya haruslah mempertimbangkan keadaan cuaca serta pencemaran-pencemaran yang terdapat di kawasan tersebut, supaya penyediaannya dapat berfungsi mengikut matlamat penyediaannya.

1.2.5 Sepertimana yang terdapat di kalangan murid-murid, mereka pergi ke sekolah samada berjalan kaki, menaiki basikal, bas, motorsikal atau menaiki kereta. Oleh yang demikian kajiselidik terhadap penyediaan kemudahan-

kemudahan untuk memberikan perkhidmatan yang selesa kepada mereka adalah perlu. Seperti penyediaan tempat-tempat basikal, tempat menunggu kenderaan, pengawalan keselamatan dan tempat berjalan kaki. Tempat-tempat seperti ini perlukan perlindungan supaya ianya dapat berfungsi dengan sepenuhnya.

1.2.6 Kajian terhadap senitaman sediada di dalam kawasan-kawasan sekolah adalah sangat perlu di mana pemilihan terhadap jenis-jenis tumbuhan serta sekilnya adalah penting, terutama untuk memberikan penyesuaian kepada kanak-kanak sekolah. Kajian terhadap senitaman akan melibatkan susunan dan fungsi penanaman, samada ianya berfungsi untuk teduhan, untuk menambahkan nilai estetik atau lain-lain.

1.2.7 Mengimplimentasikan satu senitaman yang baik bukannya satu perkara yang mudah. Ianya dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor yang menyebabkan ianya sukar untuk di-implimentasikan. Dengan itu kajiselidik terhadap masalah-masalah yang dihadapi adalah penting untuk menentukan perancangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dapat mencapai matlamatnya. Sebagaimana yang biasa berlaku, faktor kos menjadikan masalah utama di dalam menjayakan sesuatu perancangan. Dengan itu adalah perlu dikaji faktor-faktor lain yang boleh disesuaikan kepada alam sekitar kawasan-kawasan sekolah dengan penggunaan kos

yang rendah, tetapi masih dapat memberikan peranan serta nilai yang sama.

1.2.8 Adakalanya terdapat di beberapa kawasan sekolah di mana ruang-ruang terbuka tidak dijaga dengan sempurna. Untuk itu maka kajian terhadap aktiviti yang diadakan di sekolah-sekolah adalah perlu diketahui samada ianya untuk tujuan akademik atau untuk kegiatan fizikal. Dengan itu satu cadangan dapat dikemukakan di mana penjagaan alam sekitar dapat diperkenalkan di dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Oleh yang demikian kajian terhadap aktiviti-aktiviti yang diperkenalkan di sekolah-sekolah adalah perlu untuk menentukan supaya aktiviti-aktiviti yang diadakan dapat memberikan faedah kepada murid-murid dan juga alam sekitar.

1.2.9 Di dalam penyediaan senitaman kawasan sekolah, elemen-elemen rekabentuk dan perancangan adalah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan terutama di dalam perletakannya. Sepertimana yang biasa kedapatan bahawa perkara-perkara seperti ini tidak begitu dititikberatkan di sekolah, dengan kajiselidik terhadap perkara ini adalah perlu supaya satu kawasan alam sekitar sekolah yang harmoni dapat terhasil.

METODOLOGI

